

# Keliru pilih pengajian

**Pelajar minat fesyen tak tahu peluang pekerjaan setelah tamat belajar**

## KAUNSELING REMAJA

**Prof Madya Datin  
Dr Sapora Sipon**  
rencana@hmetro.com.my

**?** Keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) saya baru-baru ini tidak begitu baik, tapi tidaklah sampai gagal untuk memohon mana-mana tempat belajar.

Saya bersyukur atas keputusan ini kerana tahu saya bukanlah pelajar yang sentiasa mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan.

Tentunya saya tidak boleh mengharapkan sesuatu di luar kemampuan sendiri. Apa yang menjadi masalah ialah saya sukar untuk memilih tempat belajar yang sesuai.

Saya kini dalam dilema untuk menyambung pelajaran selepas memperoleh keputusan SPM ini.

Saya meminati jurusan

dalam fesyen dan ingin tahu adakah kerjaya itu punya peluang pekerjaan selepas menamatkan pengajian.

Kadang kala saya keliru dengan bidang apa yang patut dipilih untuk melanjutkan pelajaran. Saya benar-benar tertekan.

Bantulah saya Dr untuk menyelesaikan masalah ini.

### MENCARI JAWAPAN, Kedah

**!** Negara ini menawarkan sistem pendidikan yang menyediakan peluang untuk rakyat negara ini melanjutkan pelajaran.

Pilihan yang pelbagai ini membuka peluang untuk adik memilih tempat pengajian yang terbaik. Memilih tempat belajar yang bersesuaian dengan mengambil kira faktor seperti kewangan, kesesuaian



kursus dan minat adik adalah perlu.

Ya, banyak peluang pekerjaan yang boleh dice-

lah bidang seni reka fesyen.

Dunia bidang fesyen sentiasa berubah mengikut perkembangan masa. Pada hari ini kita boleh lihat pelbagai jenis fesyen direka bentuk dan dicipta.

Syarat menceburi bidang ini ialah individu itu harus mengikuti kursus secara formal di peringkat sijil, diploma atau ijazah di institusi pengajian tinggi dan kolej swasta sama ada di dalam atau di luar negara.

Sementara di peringkat sijil dan diploma di kolej swasta, pelajar perlu lulus SPM/SPMV dengan mendapat kepujian dalam beberapa mata pelajaran termasuk bahasa Inggeris dan lukisan.

Perbincangan dengan rakan atau keluarga untuk memilih tempat yang paling sesuai dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti kewangan dan tempoh pengajian adalah elemen penting dalam

memilih jurusan.

Dalam memilih tempat melanjutkan pengajian, adik juga perlu fokus kepada bidang yang diminati dan tidak bersifat rambang mata. Dalam konteks ini, buat senarai semak kursus yang ingin adik ambil dan lihat jika ia bersesuaian dengan minat, kebolehan serta faktor kos (tempoh pengajian, masa, kewangan).

Adik juga perlu memilih universiti atau kolej yang program pengajiannya diiktiraf oleh kerajaan.

Yang penting, apabila sudah buat pilihan apakah jurusan yang ingin diambil, berusaha gigih untuk lulus. Dr percaya adik boleh melakukannya.

Setiap orang dapat mencapai kejayaan dalam apa saja hal, asalkan ia sangat menyukai pekerjaan yang dilakukan. Dr doakan adik berjaya dalam jurusan yang dipilih.

**PAHANG**

## PENDAFTARAN KINI DIBUKA

**Kami akan mengadakan pendaftaran terbuka di:**

- Pejabat MARA Bentong - 05-05-2014
- Raub Rest House - 06-05-2014
- Bangunan Pejabat MARA - 07-05-2014

Daerah Temerloh

**MASA: 10.00 PG - 5.00 PTG**

Talian Bebas Tol:  
**1 300 880 111**  
[www.lincoln.edu.my](http://www.lincoln.edu.my)

### DIPLOMA

- Diploma in Nursing  
KPT/JPS (A 7151) 09/16
- Diploma in Pharmacy  
KPT/JPS (A 7917) 06/17
- Diploma in Medical Assistant  
KPT/JPS (PA 10997) 11/15
- Diploma in Physiotherapy  
KPT/JPS (PA 11020) 12/15
- Diploma in Traditional Chinese Medicine  
KPT/JPS (PA 0331) 08/16
- Diploma in Business Administration  
KPT/JPS (A 4638) 07/15
- Diploma in Accounting  
KPT/JPS (KA 10713) 12/14
- Diploma in Hotel & Catering  
KPT/JPS (A 6782) 03/16
- Diploma in Multimedia Application  
KPT/JPS (A 5133) 09/17
- Diploma in Computer Science  
KPT/JPS (A 1829) 04/15
- Diploma in Electrical & Electronic Engineering  
KPT/JPS (A 7422) 03/17
- Diploma in Aircraft Maintenance Technology  
KPT/JPS (PA 3995) 02/19

### IJAZAH SARJANA MUDA

- Doctor of Medicine (MD)  
KPT/JPS (PA 0927) 09/16
- Doctor of Dental Surgery (DDS)  
KPT/JPS (PA 1048) 11/17
- Bachelor of Pharmacy  
KPT/JPS (PA 1107) 01/18
- Bachelor of Science (Hons) Physiotherapy  
KPT/JPS (PA 1778) 11/18
- BSc (Hons) in Nursing  
KPT/JPS (PA 1528) 03/18
- BSc (Hons) in Nursing (Post Registration)  
KPT/JPS (PA 1529) 10/17
- BSc (Hons) in Nursing Studies (University of Huddersfield, UK)  
KPT/JPS (A 9169) 12/14
- BSc (Hons) in Contemporary Healthcare (University of Hertfordshire, UK)  
KPT/JPS (PA 0332) 04/16
- Bachelor (Hons) in Business Administration  
KPT/JPS (PA 0795) 06/17
- BSc (Hons) in Hospitality Management  
KPT/JPS (PA 0794) 01/17
- Bachelor of Engineering Technology (Hons) in Electrical and Electronics  
KPT/JPS (PA 2685) 02/19

### BIDANG-BIDANG PENGAJIAN DI LUC

- Perubatan
- Pergigian
- Farmasi
- Pembantu Perubatan
- Fisioterapi
- Kejururawatan
- Kejuruteraan
- Pentadbiran Perniagaan
- Komputer & Multimedia
- Perhotelan
- Perakaunan
- Pra Universiti

### PRA UNIVERSITI

- Foundation in Science  
KPT/JPS (PA 0575) 08/16
- Foundation in Business & Computing  
KPT/JPS (PA 11138) 07/15

### IJAZAH SARJANA & PhD

- Allied Health Sciences
- Business Administration
- Engineering
- Nursing
- Computer Science

### Ciri-ciri program LUC

- Diluluskan oleh Agensi Kelayakan Malaysia dan Kementerian Pelajaran Tinggi
- Yuran pengajian yang berpatutan & skim bayaran mudah

## Tolak bakal menantu lulus PMR

**!** Ibu bapa tidak bersejua dengan pilihan hati saya kerana mereka berpendapat teman lelaki saya tidak mempunyai pekerjaan yang baik.

Teman lelaki saya itu hanya bekerja sebagai pembantu di gerai makanan. Tahap pendidikannya sekadar Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Apa yang tidak diketahui ibu bapa ialah kami sudah terlanjur dan ibarat pasangan suami isteri malah tinggal serumah.

Segala rahsia ini saya simpan daripada ibu bapa kerana bimbang dipukul. Saya kini takut kerana menyembunyikan perhubungan kami. Saya tidak menghadapi sebarang masalah daripada pihak keluarga teman lelaki kerana mereka sukakan saya.

Bantulah saya Dr saya tidak sanggup lagi untuk merahsiakan hubungan ini.

### GADIS TERLANJUR, Negeri Sembilan

**?** Dr memahami masalah yang adik hadapi. Sudah menjadi kebiasaan ibu bapa inginkan yang terbaik untuk anak

mereka termasuk memilih menantu.

Kata hikmah ialah kasih sayang ibu bapa terhadap anak tiada batas dan sempadan.

Pekerjaan sebagai pembantu di gerai makanan menyebabkan ibu bapa tidak dapat menerima teman lelaki adik.

Kelulusan yang hanya setakat PMR juga membuatkan hubungan adik dengan teman lelaki menerima rintangan hebat.

Dewasa ini, faktor jenis pekerjaan yang dipangku dan kelulusan sering dijadikan sebagai batu pengukur kejayaan dalam kehidupan individu. Sesuatu yang tidak menjadi kehairanan jika teman lelaki bukan pilihan sebagai menantu oleh ibu bapa adik.

Ada beberapa sebab mengapa ibu bapa menolak pilihan cinta adik. Pertama, mereka melihat kehidupan ini daripada kaca mata mereka.

Lantaran itu, dengan memahami mengapa ibu bapa sukar menerima teman lelaki dapat membuatkan adik melihat masalah ini dari sudut pandangan mereka. Adik juga akan empati terhadap mereka.

Diharapkan adik tidak lagi merahsiakan perhu-

bugan cinta adik daripada pengetahuan mereka kerana melarikan diri bukan satu jalan penyelesaian masalah.

Dr juga mengharapkan adik mempunyai keberanian memberitahu mereka konflik jiwa yang ditanggung. Berdasarkan cerita adik terlanjur dengan teman lelaki.

Hubungan itu sudah terlalu jauh dan dilarang agama. Untuk mengelak lebih banyak dosa perkahwinan adalah jalan terbaik.

Adik perlu tunjukkan kesungguhan dalam perhubungan dengan bersifat berani berhadapan dengan mereka. Berani bertanggungjawab dalam hubungan cinta dan menjadikan perhubungan ini sesuatu yang murni dan diterima oleh agama. Usahakan untuk mengambil hati ibu bapa.

Merahsiakan perhubungan kalian tidak akan membuatkan ibu bapa adik berubah hati malah melukakan hati mereka.

Perkahwinan adalah soal jodoh, namun jika adik pandai memujuk ibu bapa, insya-Allah ibu bapa akan berlembut. Tetapi jika sebaliknya anggaplah bukan jodoh adik.